

RM39 juta bangun industri tani

B.H. 9.1.2008

Peruntukan digunakan untuk melatih pengusaha sebelum memulakan projek

Oleh Junita Mat Rasid

MUAR: Jawatankuasa Pembangunan Industri Asas Tani meluluskan 3,847 permohonan dengan peruntukan kira-kira RM39 juta untuk membangun dan menjalankan projek industri asas tani di seluruh negara untuk tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata peruntukan itu akan digunakan untuk melatih pengusaha sebelum memulakan projek industri asas tani, selain melengkapkan mereka dengan bantuan peralatan, bahan dan kos pengeluaran.

Katanya, jawatankuasa itu menerima beribu-ribu permohonan dari seluruh negara namun selepas dipapil hanya 3,847 orang diterima untuk terbabit sebagai usahawan industri asas tani.

"Setakat ini, jawatankuasa yang ditubuhkan sejak 2005 berjaya me-

lahirkan hampir 8,300 pengusaha industri asas tani di seluruh negara dengan perbelanjaan kira-kira RM125 juta.

"Kita akan meneruskan usaha ini sejajar pelan Kementerian untuk melahirkan 10,000 pengusaha bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri taklimat banjir kawasan Parlimen Pagoh dan penyampaian bantuan kepada mangsa banjir, di Kompleks Seri Pekembar, Pagoh, di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, bagi mempercepat lagi pelaksanaan program itu, beliau turut mengarahkan urus setia jawatankuasa terbabit supaya turut membantu pemohon yang tidak mendapat tempat untuk mengikuti program berkenaan.

"Ramai yang layak mengikuti program itu tetapi tidak mendapat tempat kerana peruntukan yang terhad. Se-

hubungan itu, kita akan memberi perhatian dan bantuan kepada pemohon ini kerana mereka sebenarnya berminat dan boleh berjaya," katanya.

Katanya, melalui langkah itu pihaknya yakin pelan melahirkan 10,000 pengusaha industri asas tani itu dapat dicapai lebih awal sebelum

2010 mengikut sasaran asal.

Selain itu, katanya, sasaran pihaknya supaya setiap pengusaha asas tani memperoleh pendapatan tidak kurang RM2,000 sebulan juga akan dapat dicapai.

Beliau berkata, pada masa ini pengusaha terbabit mengeluarkan hasil kira-kira RM25 juta setahun dan daripada jumlah itu, hampir 30 peratus pengusaha sudah mencapai pendapatan lebih RM2,000 sebulan.

Sementara itu Muhyiddin berkata, kementeriannya akan mengemukakan cadangan pemberian insentif tunai atau bahan pertanian sebagai langkah jangka panjang membantu petani berikutan peningkatan kos input termasuk baja dan racun.

Beliau berkata pihaknya menerima banyak aduan daripada petani mengenai peningkatan kos baja dan racun sehingga 50 peratus dalam tempoh dua tahun, selain faktor kenaikan harga minyak dunia.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya sedang meneliti langkah jangka panjang bagi mengatasi masalah itu bagi memastikan sektor pertanian terus ditingkatkan berikutan sektor itu tidak mendapat subsidi berbanding sektor perikanan yang mendapat subsidi diesel.

Sebelum ini Persekutuan Persatuan Pekebun Sayur Malaysia mengeluarkan kenyataan bahawa Malaysia dijangka mengimport lebih banyak sayur-sayuran pada tahun depan, sekiranya kerajaan masih enggan memberi bantuan subsidi kepada 5,000 pekebun sayur di seluruh negara.

Muhyiddin berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah mengeluarkan arahan pada mesyuarat Kabinet lalu supaya Kementerian mengemukakan langkah untuk membantu rakyat mengurangkan kos hidup dengan meningkatkan pengeluaran makanan seperti sayur, buah, ikan dan daging.

FAKTA NOMBOR

Pembangunan projek asas tani sejak 2005

8,300

Pengusaha dilahirkan

RM125j

Dibelanjakan